



*Ringkasan Eksekutif*  
DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS  
WARISAN BANDAR  
**TAIPING** 2.0  
PERAK DARUL RIDZUAN





**PLANMalaysia**  
Perancangan Melangkaui Kelaziman  
*Planning : Beyond Conventional*

**PLANMalaysia@Perak**  
Perancangan Melangkaui Kelaziman  
*Planning : Beyond Conventional*

# ISI KANDUNGAN

## MUTIARA KATA

01. PENGENALAN .....	1
02. DASAR-DASAR PERANCANGAN .....	2
03. PROFIL RKK .....	3
04. GUNA TANAH RKK .....	5
05. KEKUATAN, KELEBIHAN DAN PROSPEK PELANCONGAN .....	7
06. ZON PEMBANGUNAN .....	10
07. MATLAMAT, TERAS DAN STRATEGI PEMBANGUNAN .....	15
08. KONSEP PEMBANGUNAN .....	19
09. CADANGAN PEMBANGUNAN DAN INISIATIF & PROGRAM .....	21
KESIMPULAN .....	33
PENGHARGAAN .....	

## MUTIARA KATA

Terkenal dengan Taman Tasik DiRaja dan pokok-pokok hujan yang menyumbang kepada imej bandar yang nyaman, Bandar Taiping merupakan sebuah pusat bandar lama di Malaysia yang sejarahnya bermula dengan pembukaan aktiviti perlombongan bijih timah dan ia seterusnya dibangunkan oleh pihak Inggeris menggunakan sistem perancangan bandar yang teratur atau *grid iron*.

Sering diberi jolokan sebagai 'Yang Pertama' kerana mempunyai pelbagai hasil binaan dan kemudahan yang pertama dibina di Malaysia, bandar Taiping adalah di antara bandar lama yang kaya dengan warisan ketara dan tidak ketara. Keseimbangan yang harmoni di antara sumber alam semula jadi yang menjadi latar pemandangan bandar dan aset-aset warisan telah membentuk karakter bandar Taiping yang mempunyai nilai sejarah yang seharusnya dikekalkan untuk generasi sekarang dan akan datang. Oleh itu amat wajarlah bandar Taiping ini dinobatkan sebagai Bandar Warisan.

Selain itu, keunikan ini juga penting untuk terus dikekalkan kerana ia turut menyumbang kepada ekonomi bandar dan penduduk setempat terutamanya melalui *sense of place* dan aktiviti pelancongan yang terbukti mempunyai kesan berganda terhadap pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial. Penyatuan alam semula jadi dan aset warisan adalah merupakan produk pelancongan yang boleh menarik bukan sahaja pelancong domestik tetapi juga pelancong antarabangsa.

Justeru itu, usaha untuk pengukuhan aset-aset warisan sebagai produk pelancongan bagi bandar Taiping dilihat sebagai satu langkah yang strategik dan berdaya maju. Dengan kekuatan produk yang ada dan digabungkan dengan aktiviti promosi yang efektif, tidak mustahil untuk bandar Taiping menjadi salah satu destinasi tumpuan pelancongan yang utama di Malaysia.

# 01

## PENGENALAN

Ringkasan Eksekutif ini mengandungi petikan daripada Laporan Draf Rancangan Kawasan Khas Warisan Bandar Taiping 2.0 (RKKWBT 2.0). Segala penjelasan dan perincian lanjut perlu merujuk kepada Laporan Draf RKKWBT 2.0.

Rancangan Kawasan Khas (RKK) merupakan sebuah dokumen perancangan yang mengandungi rancangan terperinci bagi tujuan pemajuan, pemajuan semula, penambahbaikan, pemuliharaan atau tujuan pengurusan sesuatu kawasan tertentu. RKK ini disediakan dengan kerjasama PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa), PLANMalaysia@Perak dan Majlis Perbandaran Taiping (MPT).

RKK ini adalah fasa kesinambungan daripada Rancangan Kawasan Khas Kawasan Warisan Bandar Taiping 2020 (RKKKWB 2020) dan merupakan pelaksanaan segera kepada Rancangan Tempatan Daerah Larut Matang 2035 (RTDLM 2035). Hasil akhir penyediaan RKK ini merupakan **Pelan Tindakan Ekonomi Pelancongan Melalui Pemerkasaan Aset Warisan Bandar Taiping** yang merangkumi cadangan program pembangunan dalam bentuk pelan tindakan pembangunan serta pelan pengurusan mengikut fasa, kos, agensi pelaksana dan pendekatan pelaksanaan secara terperinci.

### Tujuan Penyediaan RKK

1

Penelitian semula dan penambahbaikan aspek pengurusan dan pemuliharaan aset warisan binaan dan semula jadi di bandar Taiping

2

Penambahbaikan dalam pengurusan strategik melibatkan aspek pelaburan perniagaan, bajet dan organisasi bagi tujuan meningkatkan ekonomi dan imej bandar Taiping melalui pelancongan dan warisan

3

Penambahbaikan perancangan fizikal bagi mengoptimalkan dan memperkukuhkan potensi bandar Taiping sebagai bandar warisan dan pelancongan

4

Menyelaras dan mencadangkan komponen pembangunan baharu selaras dengan pengiktirafan yang diterima di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

5

Penyelarasan dengan dasar dan garis panduan terkini yang digariskan di dalam dokumen perancangan di peringkat negara, negeri dan juga daerah

## DASAR PERANCANGAN

Dalam penyediaan RKK ini, dasar-dasar perancangan sedia ada diguna pakai sebagai rujukan dan panduan. Dasar-dasar ini memainkan peranan yang penting dalam mengenal pasti perancangan dan cadangan yang berkaitan bagi penyediaan laporan ini.



# 03

## PROFIL RKK

- Bandar Taiping merupakan bandar utama bagi wilayah utara dan berperanan sebagai Pusat Separa Wilayah
- Berfungsi sebagai pusat pentadbiran daerah serta pusat perdagangan dan perkhidmatan
- Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 telah menggariskan empat fokus pembangunan utama Negeri Perak yang melibatkan bandar Taiping secara langsung iaitu:-
  - a) Zon Pembangunan Warisan
  - b) Kluster Pelancongan Taiping - Kuala Sepetang
  - c) *Greater Ipoh - Taiping - Pangkor Corridor*
  - d) Bandar Pelancongan Warisan



Petunjuk



Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah



Laluan Keretapi ETS/ KTMB



Stesen Keretapi ETS/ KTMB



Ibu Negeri Perak



Kawasan Rancangan Kawasan Khas



Kluster Pelancongan Taiping – Kuala Sepetang



Kluster Pelancongan Eko



*Greater Ipoh-Taiping-Pangkor Corridor*



Tumpuan Bandar Pelancongan



Bandar Pelancongan Warisan

SELAT MELAKA

PULAU PINANG

KEDAH

Daerah Hulu Perak

Daerah Larut Matang dan Selama

Daerah Kerian

Kuala Sepetang

Taiping

Kuala Kangsar

Daerah Kuala Kangsar

Ipoh

IPOH

Daerah Kinta

KELANTAN

PAHANG

Daerah Manjung

Daerah Kampar

Daerah Perak Tengah

Daerah Batang Padang

Daerah Bagan Datuk

Daerah Hilir Perak

Daerah Muallim

## Kawasan RKKWBT


RKK ini adalah perincian bagi Blok Perancangan 3 dan sebahagian BPK 2.2, BPK 4.1 dan BPK 5.5 di dalam RTDLM 2035. Sekiranya terdapat sebarang perbezaan atau kekeliruan, dan kawasan yang tidak diliputi oleh kajian RKK ini ianya perlu merujuk kepada Garis Panduan yang telah dikemaskini dan RTDLM 2035.

Kawasan RKK ini melibatkan tiga (3) mukim utama iaitu keseluruhan **Mukim Bandar Taiping**, sebahagian **Mukim Assam Kumbang** dan sebahagian **Mukim Tupai**. Keseluruhan kawasan ini terletak di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Taiping.

RKK Warisan Bandar Taiping 2.0 melibatkan:

**4** Blok Perancangan

**6** Blok Perancangan Kecil



- BPK 2.2 Kamunting
- BPK 3.3 Taman Tasik Taiping
- - - Sempadan Mukim
- BPK 3.1 Institusi
- BPK 4.1 Tupai Emas
- - - Sempadan Kawasan RKKWBT 2.0
- BPK 3.2 Pusat Perniagaan Taiping
- BPK 5.5 Paduka Setia
- ▬▬▬ Landasan Keretapi


BP2: Kamunting	BP3: Taiping Bandar Warisan	BP4: Tupai	BP5: Assam Kumbang
BPK 2.2: Kamunting	BPK 3.1: Institusi <ul style="list-style-type: none"> <li>• Zon Institusi Kerajaan</li> <li>• Zon Komersial Korporat</li> <li>• Zon Komersial Taiping <i>Uptown</i></li> </ul> BPK 3.2: Pusat Perniagaan Taiping <ul style="list-style-type: none"> <li>• Zon Perumahan</li> <li>• Zon Pembangunan Bercampur</li> </ul> BPK 3.3: Taman Tasik DiRaja Taiping	BPK 4.1: Tupai Emas <ul style="list-style-type: none"> <li>• Zon Perumahan</li> </ul>	BPK 5.5: Paduka Setia <ul style="list-style-type: none"> <li>• Zon Perumahan</li> </ul>

Sumber: Rancangan Tempatan Daerah Larut Matang 2035


# 04

## GUNA TANAH RKK


Guna tanah semasa 2021 bagi kawasan RKKWBT 2.0 terdiri daripada tiga komponen utama iaitu **institusi dan kemudahan masyarakat (29.08%)**, **pengangkutan (23.04%)** dan **juga perumahan (16.55%)**.




Kategori Guna Tanah	Keluasan (Hektar)	Peratusan (%)
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	182.99	29.08
Pengangkutan	145.02	23.04
Perumahan	104.15	16.55
Tanah Lapang dan Rekreasi	86.39	13.73
Komersial	53.99	8.58
Badan Air	30.54	4.85
Tanah Kosong	16.32	2.59
Infrastruktur dan Utiliti	7.71	1.23
Hutan	2.03	0.32
Pertanian	0.19	0.03
Industri	0.02	0.00
<b>Jumlah</b>	<b>629.35</b>	<b>100.00</b>




### Taburan Guna Tanah Semasa Perumahan




### Taburan Guna Tanah Semasa Komersial



### Taburan Guna Tanah Semasa Institusi dan Kemudahan Masyarakat



### Taburan Guna Tanah Semasa Kawasan Lapang



Bandar Taiping sinonim di kalangan pelancong dan rakyat Malaysia sebagai bandar warisan, sama seperti George Town dan Melaka. Morfologi pembentukan bandar Taiping sejak awal 1950-an sehingga 1980-an menunjukkan banyak elemen dan aset warisan dibangunkan dan masih kekal sehingga ke hari ini. Dalam konteks Negeri Perak, hanya Taiping, Ipoh, Kuala Kangsar dan Teluk Intan yang mempunyai elemen dan karakter bandar yang menonjol. Kelebihan yang terdapat di Taiping adalah produk - produk yang berkaitan dengan pelancongan warisan.

### **K**ekuatan *(Strengths)*

1. 40 Yang Pertama
2. Penganugerahan Taiping sebagai bandar pelancongan dipelbagai peringkat
3. Empat (04) bangunan warisan yang diwartakan bersama dengan enam (06) tapak warisan yang lain yang terdapat di Zon Warisan dan Zon Penampian
4. Persekitaran yang nyaman
5. Banyak sektor pelancongan tidak ketara yang belum diterokai

### **K**elebihan *(Opportunities)*

1. Kedudukan Taiping yang diletakkan di dalam
  - Zon Pembangunan Warisan
  - Kluster Pelancongan Taiping - Kuala Sepetang
  - *Greater Ipoh - Taiping - Pangkor Corridor*
  - Kluster Pelancongan Eko
  - Tumpuan Bandar Pelancongan
  - Bandar Pelancongan Warisan
2. Pembangunan dasar luar di dalam mempromosikan Taiping sebagai kawasan pelancongan warisan dan bersejarah

## Pengiktirafan Bandar Taiping

Bandar Taiping dikenali kerana mempunyai aset warisan ketara dan tidak ketara yang terkenal di Malaysia. Dengan pewartaan tapak-tapak peninggalan sejarah sebagai tapak Warisan, pengunjung dapat menikmati dan mengamati bekas peninggalan sejarah dengan lebih mendalam kerana dapat melihat sendiri khazanah yang dipelihara ini. Tambahan pula, bandar Taiping merupakan tapak bermulanya 40 perkara yang pertama di Malaysia seperti senarai di bawah:

- |   |  |
|---|--|
| 1. Aktiviti perlombongan bijih timah          | 21. Sekolah King Edward VII                  |
| 2. Kolam <i>Coronation</i>                    | 22. Gereja <i>All Saints</i>                 |
| 3. Masjid Tengku Menteri                      | 23. Taman Tasik Taiping                      |
| 4. Rumah Kapten Speedy                        | 24. Pasar Taiping                            |
| 5. Bandar Taiping                             | 25. Stesen Keretapi Taiping                  |
| 6. Pejabat Perbendaharaan dan Audit           | 26. Bangunan Keretapi Negeri Perak dan Larut |
| 7. Gereja <i>Our Lady of The Sacred Heart</i> | 27. Muzium Perak                             |
| 8. Balai Penghulu Matang                      | 28. Padang Golf Taiping                      |
| 9. Kediaman Penolong Residen                  | 29. Persatuan Kwang Tung                     |
| 10. Padang Esplanade                          | 30. Perpustakaan Peringatan Kemerdekaan      |
| 11. Pejabat Telegraf dan Pos                  | 31. Sekolah Menengah Treacher Methodist      |
| 12. <i>Resident's House</i>                   | 32. Pejabat Topo dan Pemetaan                |
| 13. Perbandaran Larut                         | 33. <i>Malay States Guides</i>               |
| 14. Bukit Larut                               | 34. Persatuan Ceylon                         |
| 15. Penjara Taiping                           | 35. Hutan Paya Laut Matang                   |
| 16. Rumah Rehat Bandar                        | 36. Taman <i>Coronation</i>                  |
| 17. Mes Pegawai Tentera British               | 37. Landasan Udara Tekah                     |
| 18. Hospital Taiping                          | 38. Jeti Jubli Perak                         |
| 19. Pejabat Daerah                            | 39. Kubur Peringatan Perang Komanwel         |
| 20. Balai Polis / Menara Jam                  | 40. <i>Night Safari Taiping</i>              |

Sumber: 1. Majlis Perbandaran Taiping 2021  
2. Kajian RKKWBT 2.0

Selain daripada aset warisan, pengiktirafan yang diperolehi bandar Taiping telah memberi imej yang positif sebagai destinasi yang harus dikunjungi. Di antara pengiktirafan yang telah dianugerahkan kepada bandar Taiping adalah:

### ANUGERAH PERINGKAT ANTARABANGSA

## 2015

- ✓ *The Best Destination Manager Award 2015, Sanya, China*

## 2017 & 2018

- ✓ *OIC City of Tourism Award*

## 2019

- ✓ Bandar Ke-3 Mampan (Kategori Bandar terbaik)

### ANUGERAH PERINGKAT KEBANGSAAN

## 2017 & 2018

- ✓ *Best City And Town Park, 2018*
- ✓ *Green Initiative Award, 2017*
- ✓ Destinasi Pelancongan Warisan dan Eko Terbaik, 2017

## 2019

- ✓ Projek perintis Bandar Mesra Usia
- ✓ Bandar Paling Bahagia

## Prospek Pelancongan Bandar Taiping

### KOMUNITI INKLUSIF DAN BERDAYA HUNI

Teras Penetapan Strategi RFN4 telah menggariskan bandar Taiping berpotensi tinggi dalam pembentukan Komuniti Inklusif dan Berdaya Huni. Strategi ini memberi gambaran bahawa Taiping mempunyai unsur dan elemen pembentukan kedua-dua konsep bandar berkenaan.

### BANDAR BERDAYA SAING

Di dalam DPN2 turut menggariskan strategi bahawa Taiping mampu dan berpotensi dijadikan bandar yang berdaya saing berdasarkan sektor-sektor ekonomi pelancongan yang pelbagai sesuai dengan hala tuju ekonomi bandar.

### LOKASI YANG STRATEGIK

Kedudukan bandar Taiping berdekatan kaki Bukit Larut menjadikan bandar Taiping mempunyai latar belakang semula jadi memberi imej tenang dan segar kepada bandar perlu dipelihara melalui mekanisma kawalan pembangunan yang efisien. Bangunan-bangunan warisan yang mempunyai nilai sejarah yang tinggi serta gabungan alam semula jadi yang masih kekal dipelihara.

### STESEN UTAMA LALUAN ETS UTARA-SELATAN

Stesen keretapi Taiping merupakan di antara stesen utama bagi laluan ETS Utara – Selatan. Ia menjadi pintu masuk ke Taiping dan secara langsung dapat membawa pelancong bukan hanya dari Malaysia malah dari luar negara. Keadaan ini dapat mengukuhkan potensi Taiping dalam konsep pembangunan bandar berasaskan transit (TOD).

### ELEMEN SEJARAH DAN WARISAN

Taiping mempunyai prospek yang tinggi di kalangan pelancong antarabangsa kerana terdapat perkaitan yang rapat di antara elemen sejarah dan warisan dengan negara Eropah dan Asia.

### TARIKAN PELANCONGAN MAKANAN

Kewujudan kafe dan restoran baharu terutamanya di kawasan Jalan Berek menunjukkan bandar Taiping menjadi tarikan bagi segmen pelancongan makanan.

### GREATER IPOH – TAIPING - PANGKOR CORRIDOR

Dasar dan Strategi di dalam RSN Perak 2040 juga telah menetapkan Taiping di dalam *Greater Ipoh-Taiping-Pangkor Corridor*. Kedudukan ini memberi peluang yang besar kepada Taiping yang mempunyai kluster ekonomi kelainan untuk maju bersama di dalam koridor pembangunan sedia ada.



## ZON PEMBANGUNAN

Pengezonan warisan di bandar Taiping bertujuan untuk melindungi kawasan yang mengandungi himpunan bangunan dan kawasan warisan penting kepada Taiping.


### a. Zon Pembangunan RKKKWBT 2020

- 8** Zon Pembangunan
- 2** Zon Pemeliharaan Pusat Bandar Taiping
- Zon Pemeliharaan Primer
  - Zon Pemeliharaan Sekunder

### b. Zon Pembangunan RKKWBT 2.0

- 8** Zon Pembangunan
- 2** Zon Warisan
- Zon Warisan Teras Utama
  - Zon Warisan Teras Sekunder

RKKKWBT 2020	RKKWBT 2.0		
Kategori Zon Pembangunan	Kategori Zon Pembangunan	Kategori Zon Warisan	Penyelarasan
1 Zon Pemeliharaan Warisan Pusat Bandar • Zon Pemeliharaan Primer • Zon Pemeliharaan Sekunder	Penyelarasan nama zon pembangunan	Zon Warisan Teras Utama dan Zon Warisan Teras Sekunder	<b>Sempadan kawasan dan luas Zon Pemeliharaan Warisan Pusat Bandar dikekalkan, namun ditukarkan kepada Zon Pemeliharaan Warisan Pusat Bandar</b> • Zon Pemeliharaan Primer di tukar kepada Zon Warisan Teras Utama dengan perubahan sempadan yang minima • Zon Pemeliharaan Sekunder di tukar kepada Zon Warisan Teras Sekunder dengan perubahan sempadan yang minima
2 Zon Pemeliharaan Warisan Taman Tasik	Penyelarasan nama zon pembangunan	Zon Warisan Teras Sekunder	• Kategori Zon Pembangunan ditukarkan kepada Zon Pemeliharaan Warisan Taman Tasik
3 Zon Komersial Korporat	Dikekalkan	Zon Penampun	Dikekalkan seperti RKKKWBT 2020
4 Zon Komersial Taiping <i>Uptown</i>			
5 Zon Institusi Kerajaan			
6 Zon Perumahan			
7 Zon Pembangunan Bercampur			
8 Zon Taman Rekreasi dan Institusi Pendidikan			



**Pelan Zon Pembangunan Kawasan RKK**

**Petunjuk**

- |   |   |  |
|---|---|--|
| <span style="display: inline-block; width: 15px; height: 10px; background-color: #800000; border: 1px solid black;"></span> Zon Pemuliharaan Warisan Pusat Bandar | <span style="display: inline-block; width: 15px; height: 10px; background-color: #654321; border: 1px solid black;"></span> Zon Institusi Kerajaan                      | <span style="display: inline-block; width: 15px; border-bottom: 2px dashed blue;"></span> Sempadan Mukim             |
| <span style="display: inline-block; width: 15px; height: 10px; background-color: #90EE90; border: 1px solid black;"></span> Zon Pemuliharaan Warisan Taman Tasik  | <span style="display: inline-block; width: 15px; height: 10px; background-color: #FF8C00; border: 1px solid black;"></span> Zon Perumahan                               | <span style="display: inline-block; width: 15px; border-bottom: 2px dashed red;"></span> Sempadan Kawasan RKKWBT 2.0 |
| <span style="display: inline-block; width: 15px; height: 10px; background-color: #ADD8E6; border: 1px solid black;"></span> Zon Komersial Korporat                | <span style="display: inline-block; width: 15px; height: 10px; background-color: #556B2F; border: 1px solid black;"></span> Zon Pembangunan Bercampur                   | <span style="display: inline-block; width: 15px; border-bottom: 4px dashed black;"></span> Landasan Keretapi         |
| <span style="display: inline-block; width: 15px; height: 10px; background-color: #FFDAB9; border: 1px solid black;"></span> Zon Komersial Taiping Uptown          | <span style="display: inline-block; width: 15px; height: 10px; background-color: #90EE90; border: 1px solid black;"></span> Zon Taman Rekreasi dan Institusi Pendidikan |  |

## Zon Warisan

Zon Warisan melibatkan dua Zon Pembangunan iaitu Zon Pemuliharaan Warisan Pusat Bandar dan Zon Pemuliharaan Warisan Taman Tasik. Zon ini terbahagi kepada 2 zon iaitu, **ZON WARISAN TERAS UTAMA** dan **ZON WARISAN TERAS SEKUNDER**. Kriteria pengezonan ditentukan oleh tahap kepentingan sesebuah bangunan dan tapak. Tahap kepentingan ini dinilai dari aspek keunikan seni bina, teknologi lalu, menjadi latar utama bandar dan sejarah yang mewakili identiti masyarakatnya.

### Zon Warisan Teras Utama

Zon Warisan Teras Utama melibatkan kawasan seluas

# 11.64 ha

*Bangunan dan monumen di dalam Zon Warisan Teras Utama terdiri daripada bangunan Kategori 1 yang perlu dilindungi sepenuhnya*

### Zon Warisan Teras Sekunder

Zon Warisan Teras Sekunder melibatkan kawasan seluas

# 133.96 ha

*Zon ini memiliki prosedur pemuliharaan bagi mengekalkan ciri-ciri asal bangunan warisan dan berfungsi melindungi Zon Warisan Teras Utama dari aspek pemuliharaan bangunan warisan*

Kategori Zon	Ciri-Ciri	Kawasan Terlibat
a. Zon Warisan Teras Utama (11.64 hektar)	Zon Warisan Teras Utama mengandungi kelompok bangunan yang telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan, 2005 (Akta 645) dan bangunan yang mempunyai nilai sejarah yang tinggi mengikut pertimbangan pihak berkuasa negeri yang perlu dipulihara	Sebahagian Jalan Taming Sari, Jalan Berek dan Jalan Stesen
b. Zon Warisan Teras Sekunder (133.96 hektar)	Kawasan di mana bangunan-bangunan warisan terletak kurang berhampiran antara satu sama lain dan bercampur antara bangunan baru dan bangunan lama yang mempunyai kepentingan sejarah dan nilai seni bina yang tinggi. Rujuk Pelan Pengezonan Zon Warisan	Sekitar Jalan Kota, Sebahagian Jalan Taming Sari, Jalan Panggung Wayang, Jalan Boo Bee, Jalan Pasar, Halaman Pasar, Jalan Kelab Cina, Jalan Sultan Abdullah dan juga Taman Tasik DiRaja Taiping



Muzium Telekomunikasi merupakan pusat penyediaan servis telegraf pertama sekitar tahun 1876



SMK St. George merupakan salah satu bangunan sekolah yang bersejarah di Taiping



Galeri Perbandaran dahulunya merupakan Taiping Sanitary Board



Rumah Rehat Taiping merupakan salah sebuah bangunan Kategori 1 yang terdapat di dalam Zon Warisan Teras Utama dan telah digazetkan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005

## Zon Penampakan


Zon Penampakan melibatkan kawasan seluas

# 483.76 ha

*Merujuk kepada zon-zon lain yang mengelilingi Zon Warisan di pusat bandar Taiping (Zon Warisan Teras Utama dan Zon Warisan Teras Sekunder). Berfungsi sebagai 'buffer' kepada tekanan pembangunan dari dalam pusat bandar Taiping*

Secara rumusan, kesemua pecahan zon di dalam Zon Penampakan bagi RKKWBT 2.0 adalah berdasarkan fungsi guna tanah seperti berikut:

- i. Zon Komersial Korporat
- ii. Zon Komersial (*Uptown*)
- iii. Zon Institusi Kerajaan
- iv. Zon Perumahan
- v. Zon Pembangunan Bercampur
- vi. Zon Taman Rekreasi dan Institusi Pendidikan



**Pelan Pengezonan Zon Warisan**

**Petunjuk**

- Zon Warisan Teras Utama
- Zon Warisan Teras Sekunder
- Zon Penampan

- Sempadan Kawasan RKKWBT 2.0
- Landasan Keretapi



**Matlamat** *Menjana Ekonomi Pelancongan Melalui  
Pemeriksaan Aset Warisan Bandar Taiping*

**TERAS 1**  
**Pemuliharaan**  
**Bangunan Warisan**  
**sebagai aset**  
**Pelancongan**  
Bangunan warisan dipulihara untuk pengekalan imej bandar warisan dan dimanfaatkan sebagai aset pelancongan warisan



**TERAS 5**  
**Pemantapan Struktur**  
**Pentadbiran dan**  
**Pembangunan Komuniti**  
**Yang Efisien**  
Menjadikan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan sebagai agenda penting setaraf dengan projek-projek pembangunan yang lain dengan melibatkan pihak NGO dan komuniti setempat

**TERAS 2**  
**Pemeriksaan Sektor**  
**Pelancongan Sebagai Pemacu**  
**Ekonomi**  
Memantapkan ekosistem pelancongan berteraskan pelancongan warisan sejarah dan budaya yang menjadi pemacu ekonomi bandar

**TERAS 3**  
**Penguksuhan Identiti dan Imej Bandar Warisan**  
Memperksa identiti bandar warisan melalui penaiktarafan ruang awam untuk mengukuhkan imej bandar warisan di samping menjadikan bandar lebih selesa, hijau dan berdaya huni oleh setiap lapisan umur dan golongan kelainan upaya

**TERAS 4**  
**Pemeriksaan Strategi Promosi**  
**dan Penggalakan Pelancongan**  
Menambah baik aktiviti promosi dengan memanfaatkan teknologi semasa dan kerjasama dengan pemain industri bagi meningkatkan kedatangan pelancong



# 5 Teras

# 16 Strategi

T1

**Pemuliharaan Bangunan Warisan Sebagai Aset Pelancongan**

3

- S1 Restorasi (Pengembalian Semula)
- S2 Sistem Penyelenggaraan Bangunan Warisan Taiping
- S3 Pencegahan dan Perlindungan Kawasan Warisan di Taiping

T2

**Pemeriksaan Sektor Pelancongan Sebagai Pemacu Ekonomi**

4

- S4 Peningkatan Ekonomi Sektor Pelancongan Utama
- S5 Penguatan Produk Sedia Ada Bandar Taiping
- S6 Memperkenalkan Presint Kreatif Pelancongan
- S7 Peningkatan Infrastruktur Perhubungan Aksesibiliti Tarikan Pelancongan

T3

**Penguatan Identiti Dan Imej Bandar Warisan**

3

- S8 Pengindahan Bandar
- S9 Pembangunan Semula Kawasan
- S10 Penguatan Karakter Bandar

T4

**Pemeriksaan Strategi Promosi Dan Penggalakan Pelancongan**

2

- S11 Penguatan Jenama Warisan Bandar Taiping
- S12 Integrasi Promosi dan Penggalakan Pelancongan

T5

**Pemantapan Struktur Pentadbiran Dan Pembangunan Komuniti Yang Efisien**

4

- S13 Memperkasa dan Penjenamaan Semula Organisasi
- S14 Memperkukuh Sumber Kewangan dan Aset Majlis Perbandaran Taiping
- S15 Pembangunan Projek dan Program Penjana Ekonomi
- S16 Pembangunan Komuniti Setempat

## Objektif Strategi

### S1 Restorasi (Pengembalian Semula)

1. Mengelakkan kerosakan *total* bagi bangunan yang mempunyai nilai warisan penting kepada bandar Taiping dan peringkat kebangsaan
2. Menggalakkan penggunaan semula bangunan dan memanfaatkan bangunan sedia ada

### S2 Sistem Penyelenggaraan Bangunan Warisan Taiping

1. Memastikan bangunan warisan sentiasa berada di dalam keadaan baik untuk penggunaan yang berterusan
2. Mengesan lebih awal permasalahan atau kerosakan yang lebih ketara dan melibatkan kos yang lebih tinggi dimasa hadapan
3. Memastikan keadaan fizikal bangunan sentiasa selamat dan baik dengan mengenal pasti kerosakan dan masalah bangunan warisan berdasarkan pemeriksaan berkala
4. Menyokong agenda bandar Taiping sebagai bandar warisan iaitu usaha penggemblengan bangunan warisan dalam penjanaaan sosioekonomi setempat

### S3 Pencegahan dan Perlindungan Kawasan Warisan di Taiping

1. Memastikan bangunan warisan dipantau dan dimasukkan dalam satu inventori yang lengkap dan boleh dirujuk oleh semua pihak
2. Untuk melindungi bangunan-bangunan warisan dan memastikan usaha yang diambil terhadap sesuatu bangunan adalah bersesuaian dengan gred dan kategori bangunan
3. Untuk memastikan pembangunan di dalam Zon Teras dan Zon Penampian tidak mengancam bangunan warisan dan juga imej bandar warisan secara menyeluruh

### S4 Peningkatan Ekonomi Sektor Pelancongan Utama

1. Memberi fokus kepada sektor makanan, warisan, membeli-belah dan penginapan
2. Memperkasakan sektor tidak ketara dan kreatif yang berpotensi untuk diketengahkan

### S5 Pengukuhan Produk Sedia Ada Bandar Taiping

1. Untuk memastikan pelancong boleh menikmati dan menghargai aset-aset warisan sedia ada
2. Untuk menjadikan alam semula jadi sebagai penyumbang aset warisan yang penting yang harus dipelihara dan dikekalkan
3. Untuk memastikan penyelarasan program dan pengiktirafan yang diterima Taiping adalah antara potensi yang perlu diambil kira

### S6 Memperkenalkan Presint Kreatif Pelancongan

1. Mengoptimal penggunaan ruang bandar dan medan awam dengan aktiviti kreatif
2. Meningkatkan aktiviti kreatif berasaskan budaya seni dan kemahiran tradisi
3. Menggalakkan aktiviti perniagaan kreatif tidak formal

### S7 Peningkatan Infrastruktur Perhubungan Aksesibiliti Tarikan Pelancongan

1. Untuk menambah baik kemudahan pelancong ke produk-produk pelancongan dengan lebih mudah, selamat dan efisien
2. Untuk menambah baik laluan pejalan kaki secara *heritage oriented* bagi memperkasa pelancongan warisan pusat bandar

### S8 Pengindahan Bandar

1. Menyediakan koridor perhubungan bandar yang berkualiti, hijau dan selesa sesuai untuk setiap penggunaan setaraf dengan Taiping sebagai bandar mesra usia
2. Menambahbaik *sense of place* dan arah bandar
3. Memperkukuhkan imej dan identiti bandar warisan
4. Menambah baik persepsi dan pengalaman pelancong bandar Taiping

### **S9** **Pembangunan Semula Kawasan**

1. Untuk menambah baik kondisi, kebersihan dan keselesaan kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai
2. Untuk menambah baik kepenggunaan kawasan dan menghasilkan impak positif kepada ekonomi perniagaan kawasan yang terlibat
3. Menyediakan pusat tumpuan yang memberi imej positif kepada pelancong kawasan

### **S10** **Pengukuhan Karakter Bandar**

1. Mengukuhkan imej warisan bandar
2. Menambah baik kualiti persekitaran dan berdaya huni pusat bandar
3. Menggalakkan pengekalan dan pemuliharaan bangunan-bangunan yang mempunyai nilai seni bina dan sejarah kawasan
4. Memanfaatkan ruang terbiar dan mengaktifkan semula kawasan untuk mempelbagaikan aktiviti bandar, menambah keselesaan dan juga keselamatan kepada penduduk dan pelancong
5. Mengetengahkan kawasan dan aset warisan

### **S11** **Pengukuhan Jenama Warisan Bandar Taiping**

1. Mengukuhkan identiti fizikal dan bukan fizikal bandar Taiping bagi menguatkan penjenamaan utama sebagai bandar warisan
2. Memanfaatkan platform digital dan media massa bagi mempromosikan identiti bandar Taiping dengan lebih berkesan

### **S12** **Integrasi Promosi dan Penggalakan Pelancongan**

1. Meningkatkan perkongsian dan akses kepada maklumat pelancongan melalui campuran media promosi seperti media berasaskan teknologi digital dan media massa
2. Mempelbagaikan pendekatan campuran promosi melalui usahasama serta penglibatan pemain industri dan pemegang taruh utama
3. Mempelbagaikan acara dan aktiviti untuk kumpulan sasar yang tertentu sebagai usaha menaik pelancong

### **S13** **Memperkasa dan Penjenamaan Semula Organisasi**

1. Meningkatkan kemampuan pihak majlis untuk memantau, mengurus, menyelenggara dan mengawal nilai terhadap aset warisan bandar serta lain-lain sektor ekonomi
2. Memanfaatkan aset warisan sebagai aset yang memacu ekonomi dan potensi bandar Taiping sebagai bandar pelancongan warisan
3. Meningkatkan kerjasama dan penyelarasan di antara pelbagai agensi dan bahagian dalam MPT dalam melaksanakan projek-projek pembangunan

### **S14** **Memperkukuh Sumber Kewangan dan Aset Majlis Perbandaran Taiping**

1. Menggalakkan pernglibatan MPT dalam aktiviti komersial secara radikal yang secara langsung meningkatkan ekonomi penduduk bandar
2. Menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam menjayakan projek-projek epembangunan Rancangan Kawasan Khas Warisan Bandar Taiping 2.0
3. Memperkemas dan memantapkan penguatkuasaan Akta dan Undang-Undang bertujuan mengawal dan meningkatkan hasil dan sumber MPT

### **S15** **Pembangunan Projek dan Program Penjana Ekonomi**

1. Menerokai sektor-sektor baharu pelancongan bandar serta lain-lain aset warisan bandar yang berpotensi
2. Menggalakkan projek pembangunan yang dijalankan dapat memperkukuhkan identiti bandar dan tidak memberi kesan kepada kehilangan warisan ketara dan tidak ketara
3. Memberi tumpuan kepada aset dan hartanah MPT sedia ada yang berpotensi dimajukan
4. Memasarkan produk-produk tempatan kepada populasi pasaran yang lebih besar

### **S16** **Pembangunan Komuniti Setempat**

1. Mempersiapkan ahli komuniti bagi mendukung dan menjalankan aktiviti ekonomi serta pelancongan dari segi pementapan kompetensi sendiri
2. Memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk terlibat dan peka dengan perkembangan pembangunan, acara dan aktiviti di Taiping
3. Memupuk semangat kekitaan dan sayang kepada Taiping di kalangan semua penduduk

## KONSEP PEMBANGUNAN

Konsep yang dicadangkan bagi mengukuhkan imej Bandar Warisan Taiping melalui penonjolan semula seni bina era British seperti rumah kedai dua tingkat yang memiliki ciri-ciri warisan, pokok angkana *rain tree*, mercu tanda, corak perancangan *grid iron*, sudut pandangan *vista*, latar langit dan *setting* bandar.




Warisan Seni Bina  
Era British



Pokok Angkana  
(*Rain Tree*)



Mercu  
Tanda



Corak Perancangan  
*Grid Iron*



Sudut Pandangan (Vista) Latar  
Langit dan '*Setting*' Bandar

### FOKUS 1

Produk pelancongan, kawasan perniagaan, kawasan kebudayaan dan sejarah serta aktiviti-aktiviti bandar

### FOKUS 2

Pembangunan dan penjenamaan semula bandar warisan taiping bagi menjana ekonomi pelancongan

### FOKUS 3

Menyuntik nilai ekonomi, perniagaan dan sosial agar dapat dibangunkan selaras dengan aspirasi bandar Taiping

## 6 PROJEK UTAMA



PROJEK 1  
PENGINDAHAN  
BANDAR



PROJEK 2  
BANGUNAN  
WARISAN



PROJEK 3  
PENGUKUHAN  
JALAN




PROJEK 4  
LALUAN  
WARISAN



PROJEK 5  
PEMBANGUNAN DAN  
NAIK TARAF



PROJEK 6  
ZOO TAIPING &  
NIGHT SAFARI



**Pelan Cadangan Projek Rancangan Kawasan Khas Warisan Bandar Taiping 2.0**

**Petunjuk**

- Projek 1 : Lokasi Cadangan Projek Pengindahan Bandar
- Projek 1 : Cadangan Laluan Basikal
- Projek 1 : Cadangan Koridor Hijau
- Projek 2 : Lokasi Cadangan Pemulihan Bangunan Warisan
- + Projek 3 : Lokasi Cadangan Penambahbaikan Persimpangan
- Projek 3 : Cadangan Naik Taraf Jalan Utama
- Projek 4 : Lokasi Tarikan Laluan Warisan
- Projek 4 : Lokasi Cadangan Laluan Tokoh Kenamaan
- ◆ Projek 5 : Cadangan Naik Taraf
- Projek 6 : Cadangan Memperkasakan Zoo Taiping & Night Safari
- Jejak Warisan
- Warisan Inventori Jabatan Warisan Negara



## PROJEK 1 - PENGINDAHAN BANDAR

Pengindahan Bandar merupakan projek yang dicadangkan bagi menaikkan identiti dan imej bandar Taiping dari segi fizikal dan visual dalam menonjolkan Taiping sebuah bandar warisan dan juga 'Bandar Warisan dalam Taman'.

**PB1** Gerbang Bandar dan Mercu Tanda


Pintu gerbang dan mercu tanda merupakan pengenalan awal ke sesebuah kawasan. Ia juga merupakan salah satu elemen bandar yang penting dalam memperkenalkan identiti dan imej sesebuah bandar. Enam kawasan yang dikenal pasti sebagai pintu masuk utama ke bandar Taiping dan dua laluan kawasan tambahan dicadangkan dengan pembinaan mercu tanda dan *tagline*.

**PB2** Penambahan Arca


Membina Arca di dalam bandar warisan Taiping di setiap kawasan utama dalam zon warisan dengan reka bentuk yang konsisten mencerminkan identiti dan imej warisan di dalam Zon Warisan Bandar Taiping. Konsep ini adalah bagi menandakan kawasan bandar warisan secara jelas dan meningkatkan rasa dan perasaan setempat (*sense of place*) dan nilai sejarah ketika berada di dalam bandar.

**PB3** Perabot Bandar

Perabot bandar harus direka dengan mengambil kira tema tertentu dalam menghidupkan semangat kawasan tersebut (*spirit of the place*). Perabot bandar yang berkonsepkan masa dahulu (*vintage*) boleh diperbanyakkan di tempat tumpuan. Antara perabot bandar yang boleh meningkatkan kualiti suasana sesebuah bandar warisan termasuklah tempat duduk, tong sampah, lampu jalan, papan petunjuk arah, *bollard*, dan peta lokasi.



- Cadangan Laluan Basikal Pusat Bandar
- Cadangan Laluan Basikal
- Cadangan Koridor Hijau
- Cadangan Koridor Hijau Pelan Induk Landskap 2010-2020
- Inventori Jabatan Warisan Negara



## PB4 Taman Poket

Pelaksanaan projek ini adalah bagi menarik perhatian lebih ramai pengunjung ke kawasan taman poket di samping dijadikan kawasan kemudahan kepada pengguna sekitar untuk berehat dan berinteraksi. Taman poket juga boleh digunakan bagi menganjurkan acara tertentu berdasarkan saiz dan lokasi. Di taman poket ini boleh diadakan tempat penghibur jalanan seperti *buskers* tempatan.




## PB5 Galeri Seni Terbuka

Salah satu matlamat dan fungsi ruang bandar juga seperti lorong seni mural (*Art Street*) ianya dapat menyediakan ruang bandar sebagai galeri seni kontemporari yang terbuka. Di samping itu, ianya juga dapat mengindahkan semula kawasan yang telah terbiar. Memperkenalkan lukisan dalam bentuk sejarah dan orang ternama di Taiping seperti Long Jaafar, 40 perkara pertama di Taiping dan lain-lain.




## PB6 Laluan dan Hentian Basikal

Penggunaan basikal di dalam kawasan bandar Taiping masih boleh dilihat sehingga ke hari ini. Dengan adanya insentif laluan dedikasi bagi pengguna basikal di dalam bandar Taiping, ianya dapat menjadikan kualiti dan karakter bandar ini lebih terserlah malahan mampu mengurangkan pelepasan karbon, mengurangkan jumlah kenderaan bermotor dan kesesakan di dalam bandar yang mendorong kepada pengurangan permintaan parkir.



## PB7 Penambahan Koridor hijau

Pelaksanaan projek koridor hijau ini dapat memastikan kualiti imej 'Bandar Warisan Dalam Taman' dilaksanakan dan dipelihara dengan menyerlahkan dan memelihara keindahan pokok hujan-hujan yang matang selain menyejukkan persekitaran pusat bandar Taiping yang telah terkenal sebagai bandar nyaman. Projek ini turut meningkatkan estetika pusat bandar selain mewujudkan landskap yang menarik dan memberi impak kepada daya tarikan pengunjung ke pusat bandar.



- ★ PB1: Cadangan Gerbang Masuk dan Mercu Tanda
- PB2: Cadangan Penambahan Arca
- PB3: Cadangan Perabot Bandar
- ◆ PB4: Cadangan Taman Poket
- PB5: Cadangan Galeri Bandar
- PB6: Cadangan Laluan & Pit-Stop Basikal

## PROJEK 2 – BANGUNAN WARISAN

Projek pemuliharaan aset warisan di Taiping merujuk kepada prinsip asas yang terkandung di dalam disiplin pemuliharaan. Implementasi prinsip-prinsip tersebut perlu berdasarkan kepada keadaan semasa bangunan yang kemudian akan menentukan kaedah-kaedah pemuliharaan.

### BW1 Restorasi Bangunan Lama Pejabat Keretapi Perak

Selepas direstorasi, bangunan ini berpotensi digunakan untuk kegunaan komersial seperti *Boutique Hotel*. Peletakannya yang bersebelahan dengan Galeri Perbandaran menepati pakej lengkap kawasan yang memberi perkhidmatan dalam bidang perhotelan di zon warisan.




### BW2 Restorasi Bangunan Lama Pejabat Pentadbiran Daerah Larut Matang dan Selama

Dengan menggunakan semula ruang-ruang yang ada pada bangunan bagi mengembalikan peranan lalu iaitu titik tumpuan Taiping dengan menempatkan aktiviti seperti kebudayaan dan pelancongan bandar, aset warisan ini juga mampu menarik kedatangan pelancong berdasarkan keunikan seni binanya yang seterusnya membuka potensi sosioekonomi dalam bidang pelancongan.



### BW3 Rehabilitasi Rumah Rehat Taiping

Rumah Rehat Taiping merupakan rumah rehat pertama di negeri-negeri Melayu dengan fungsi asalnya sebagai kediaman pegawai kerajaan negeri Perak pada tahun 1879. Bangunan ini kemudiannya dinaik taraf sebagai Rumah Rehat pada 1894 bagi memenuhi permintaan aktiviti pengangkutan keretapi Taiping-Kuala Sepetang yang mulai sibuk ketika itu. Fungsi rumah rehat ini berterusan sehingga kini walaupun telah ditinggalkan usang sekitar 2011.



- BW1 Taiping Railway
- BW2 Kompleks Pentadbiran Daerah Larut Matang dan Selama
- BW3 Rumah Rehat Taiping
- BW4 Deretan Kedai Warisan Jalan Iskandar
- BW5 Stesen Keretapi Lama Taiping
- Inventori Bangunan Jabatan Warisan Negara

# “heritage legacy sustainability”



**BW4**

## Penyesuaigunaan Semula Deretan Kedai Warisan di Jalan Iskandar Sebagai Pusat Kecemerlangan Warisan Taiping (*Taiping Heritage Excellence Centre*)

Projek penyesuaian semula Bazar Kain dan deretan kedai lama di Jalan Iskandar merupakan projek utama bangunan milik swasta di bawah Seksyen 38, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) untuk pengambilan semula kawasan. Bangunan ini akan berubah fungsinya daripada rumah kedai kepada Kompleks Kecemerlangan Warisan Taiping dan pusat usahawan yang akan membawa kembali kunjungan masyarakat ke kawasan ini.



**BW5**

## Penyesuaigunaan Semula Stesen Keretapi Lama Taiping

Konsep *Living Gallery* adalah bagi mengembalikan suasana lalu untuk dihayati oleh masyarakat hari ini. Maka pengekalan reka bentuk bangunan walaupun menukar fungsinya kepada kafe dan restoran harus merujuk kepada sejarahnya. Projek ini merupakan cadangan penyesuaigunaan semula ruang dalaman Stesen Keretapi Lama Taiping kepada *Hipster Cafe Row* and *Living Gallery*.



## PROJEK 3 – PENGUKUHAN JALAN

Projek pengukuhan jalan-jalan utama berkait rapat serta memberi tumpuan kepada pengindahan kawasan Zon Warisan Pusat Bandar khususnya rumah kedai yang berada di dalam Zon Teras dan beberapa kawasan dalam Zon Teras Sekunder. Pelaksanaan projek ini mampu memberi impak baharu kepada Taiping dalam menjadikan bandar ini sebagai bandar warisan berdaya maju.

PJ1

### Penambahbaikan Fasad dan Tanda Nama Bangunan

Projek-projek Penambahbaikan Fasad dan Tanda Nama Bangunan Warisan antara formula terbaik untuk meningkatkan peranan rumah-rumah kedai di Taiping ke arah memacu aktiviti sosioekonomi setempat. Prinsip pengukuhan (*consolidation*) merupakan salah satu prinsip asas pemuliharaan bangunan mahupun kawasan warisan. Projek ini merangkumi tiga jalan utama iaitu;

PJ 1.1 – Jalan Kota

PJ 1.2 – Jalan Taming Sari dan Berek

PJ 1.3 – Jalan di Zon Teras Sekunder



PJ2

### Penambahbaikan Laluan Pejalan Kaki


Sistem laluan pejalan kaki di kawasan bandar Taiping perlu ditambah baik bagi mengurangkan kemalangan di samping meningkatkan lagi kualiti perbandaran bagi pengguna-penggunanya.

Laluan pejalan kaki yang baik, selesa dan tanpa halangan perlu dilaksanakan agar mudah pengguna bandar berjalan serta mesra usia dan boleh digunakan oleh semua golongan termasuk golongan kelainan upaya, tua dan kanak-kanak.



- Penambahbaikan Fasad dan Tanda Nama Bangunan
- Penambahbaikan Fasad dan Tanda Nama Bangunan (Zon Teras Sekunder)
- Penambahbaikan Jalan Utama
- Penambahbaikan Laluan Pejalan Kaki
- Penambahbaikan Persimpangan Utama

# “street for people”



**PJ3**

## Penambahbaikan Jalan dan Persimpangan Utama

Penambahbaikan jalan dan persimpangan utama yang digariskan adalah bagi menonjolkan identiti dan kualiti visual bandar Taiping. Penaiktarafan ini merangkumi turapan baru bagi lintasan pejalan kaki, penggunaan tanjak bagi laluan tidak selaras, penutup longkang bagi ruang parit dan kemudahan orang kelainan upaya dan berbilang usia. Selain itu penambahbaikan dari segi visual juga dicadangkan dengan penggunaan mural dengan penceritaan sejarah dan warisan Taiping serta penambahbaikan landskap lembut dan kejur.



**PJ4**

## Penambahbaikan Lorong Belakang Kedai


Kawasan yang biasanya dijadikan tempat memunggah barang, pembuangan sampah dan dibiarkan bersemak samun ini perlu diberi nilai tambah seperti dijadikan kawasan hijau, laluan pintas yang selamat, pintu kedua kedai bahkan di peringkat yang lebih tinggi turut boleh dijadikan tempat tumpuan pelancong yang mana mampu boleh memangkin ekonomi setempat.



**PJ5**

## Jalan Berek Sebagai Jalan Lestari Serta *Food and Festival Street*

Projek jalan lestari di Jalan Berek diperkukuhkan lagi dengan suntikan aktiviti seperti *Food and Festival Street* sebagai satu tarikan aktiviti pelancongan dengan pembukaan gerai-gerai yang menjual makanan cita rasa tempatan dan antarabangsa di bahagian tengah jalan pada waktu malam. Jalan Berek juga turut ditambah baik dengan memasukkan elemen pembangunan komuniti seperti kebun komuniti yang mana bertujuan bukan sahaja sebagai penajaan hasil tempatan untuk dijual malahan sebagai sebuah daya tarikan aktiviti komuniti baharu di tengah bandar.



## PROJEK 4 – LALUAN WARISAN

Laluan Warisan yang bertemakan bangunan warisan dan 33 Pertama (kini 40 pertama) telah dilaksanakan seperti yang dicadangkan di dalam RKKKWBT2020 terdahulu. Walau bagaimanapun bagi memperkukuhkan Laluan Warisan ini, adalah dicadangkan laluan tambahan dengan tema dan konsep aktiviti yang lain perlu dilakukan.

### LW1 Laluan Makanan Taiping

Laluan Makanan merupakan pakej pelancongan yang mengambil kira setiap aspek produk yang berasaskan makanan di Taiping. Laluan ini dipilih berdasarkan kawasan makanan yang menjadi tumpuan pelancongan luar dan orang tempatan serta terkenal dengan keunikan makanan tersebut. Laluan Makanan ini dapat mempromosikan dan meningkatkan kedatangan pelancong ke Taiping.



Station FMS Taiping



Bismillah Cendol



Ansari Famous Cendol



Kafe Maju Warisan

### LW2 Laluan Harmoni

Laluan Harmoni yang merangkumi Jalan Kota merupakan kawasan terletaknya empat pusat ibadat berlainan agama yang berfungsi sebagai penyatuan masyarakat sekitar. Keharmonian masyarakat dapat dilihat daripada pembinaan pelbagai institusi dalam satu kawasan. Setiap institusi keagamaan memiliki nilai estetika dan sejarah yang tersendiri yang boleh diketengahkan kepada masyarakat.



Sikh Gurdwara



Tokong Hosian, Jalan Kota



Kuil Amman, Jalan Kota




Masjid Lama Taiping



- Laluan Harmoni
- Laluan Keagamaan
- Laluan Makanan Taiping (A)
- Laluan Makanan Taiping (B)
- Laluan Pendidikan
- Jejak Warisan Sedia Ada
- Laluan Tokoh Kenamaan
- Jejak Warisan


# “heritage of the nation”



## LW3

### Laluan Keagamaan

Laluan Keagamaan mampu menyerlahkan imej bandar Taiping dengan meletakkan pelbagai institusi keagamaan di bawah satu rumpun. Hal ini dapat membina sebuah masyarakat Malaysia yang sentiasa bertimbang rasa, bertolak ansur serta menghormati antara satu sama lain.



All Saints' Church



Masjid Hanafi



Ling Nam Ku Miew Temple



Our Lady Of The Sacred Heart Catholic Church

## LW4

### Laluan Pendidikan

Laluan Pendidikan adalah satu jejak yang memperkenalkan institusi-institusi pendidikan sekolah menengah sekitar laluan warisan di Taiping. Masyarakat di Taiping disediakan dengan empat sekolah menengah yang terkenal akan sejarah dan warisannya.



SMK Convent



St. George Secondary School



SMK King Edward VII [1]



SMK(P) Treacher Methodist

## LW5

### Laluan Kenamaan Tokoh Jalan

Laluan Kenamaan Tokoh pada nama jalan di sekitar kawasan bandar Taiping kerana terdapat beberapa sejarah atau latar belakang yang tersendiri. Kenamaan tokoh-tokoh yang telah dipilih berdasarkan pencapaian tokoh tersebut yang telah memberi jasa kepada rakyat atau masyarakat.



Sultan Idris



Chung Thye Phin



Dato' Maharajalela



Sultan Abdullah



Alang Ahmad



Sultan Mansor



## PROJEK 5 – PEMBANGUNAN DAN NAIK TARAF

Projek pembangunan dan naik taraf menekankan beberapa elemen sedia ada di Taiping untuk dijadikan sebagai aset pelancongan yang mampu menarik pelancong dan meningkatkan imej bandar Taiping ke peringkat antarabangsa.

### PT1

#### Menaik Taraf Galeri Perbandaran dan Laman Budaya


Projek menaik taraf kemudahan sedia ada di Galeri Perbandaran dan Laman Budaya ini adalah suatu aspek penting sebagai asas utama untuk memajukan sektor 'urban tourism' di bandar Taiping. Pengisian aktiviti-aktiviti yang lebih condong ke arah pelancongan warisan perlulah dititik beratkan di samping aspek pemuliharaan bangunan warisan.



### PT2

#### Menaik Taraf Dataran Sejarah

Pelaksanaan projek ini adalah bagi memperkukuhkan fungsi ruang bandar sebagai tempat pertemuan penduduk bandar dan pengunjung pada pelbagai peringkat. Menjadikan ruang ini untuk acara keramaian di bandar sama ada besar atau kecil, mahupun pun secara formal atau tidak formal dengan menyediakan ruang-ruang berniaga di waktu keramaian, tempat siar kaki dan tempat-tempat duduk yang teduh.



### PT3

#### Pembangunan Semula Taiping Food Mall


Keadaan pusat penjaja yang uzur dan kurang menarik, ianya memerlukan penjenamaan semula agar dapat menarik lebih ramai pengunjung bukan hanya bagi penduduk tempatan malah pelancong luar negara di samping dapat meningkatkan imej bandar Taiping.




### PT4

#### Penambahan Petunjuk Arah Sebagai Ikon Bandar

Petunjuk arah berkumpul ataupun tiang nama-nama jalan merupakan salah satu elemen bandar yang diguna pakai sejak dahulu lagi. Dengan mengguna pakai elemen berkonsepkan nilai *vintage* dengan reka bentuk klasik dapat memberikan suasana sejarah bagi sesebuah kawasan.



# “community place making”



- Naik Taraf Dataran Sejarah
- Naik Taraf Galeri Perbandaran & Laman Budaya
- Naik Taraf Padang Esplanade
- Naik Taraf Taiping Food Mall
- Zon Warisan Teras Utama
- Zon Warisan Teras Sekunder
- Inventori Jabatan Warisan Negara

## PT5 Penambahbaikan *Raintree Walk*

Cadangan naik taraf ini adalah menambah jarak laluan *Raintree Walk* sedia ada sehingga ke Zoo Taiping & *Night Safari*. Dengan mempelbagaikan lagi aktiviti baru, penyediaan sistem siar kaki, laluan berbasikal, lampu jalan dan juga sistem pencahayaan yang menarik dapat menjamin keselamatan dan keselesaan pengunjung serta pelancong terutamanya di waktu malam.



## PT6 Zon Sukan Lasak

Cadangan aktiviti sukan *outdoor* yang baru ini sesuai diwujudkan kerana lokasinya di dalam kawasan semula jadi yang dapat menghubungkan dengan tarikan rekreasi lain seperti Taman Tasik DiRaja Taiping, Bukit Larut, Taman Botani dan Taiping Equine Park.



## PT7 Restoran Terapung di Tasik DiRaja Taiping (D'REST T)

Restoran terapung ini dicadangkan untuk menambah produk tarikan pelancongan di Taiping terutama pada waktu malam. Dengan mempelbagaikan produk pelancongan, imej Taiping sebagai pusat tumpuan pelancong domestik serta antarabangsa dapat di tingkatkan.



## PT8 Pavilion Esplanade

Pavilion Esplanade merupakan pembangunan seluas 2110 meter persegi yang merangkumi kemudahan astaka, laluan pejalan kaki, penambahbaikan longkang, elemen pengindahan seperti landskap, petunjuk arah, arca, lampu jalan dan tong sampah di kawasan tersebut.



# “experiencing the night wild life”



## PROJEK 6 – ZOO TAIPING DAN NIGHT SAFARI

Zoo Taiping & *Night Safari* merupakan antara elemen tarikan pelancongan yang amat terkenal di Taiping. Bagi mempromosikan Zoo Taiping & *Night Safari* serta meningkatkan populariti Zoo Taiping ke peringkat Antarabangsa, projek penambahbaikan dari aspek infrastruktur dan kemudahan fasiliti telah dicadangkan bagi pembangunan Zoo Taiping

ZT1

### Menambah Baik Tempat Letak Kenderaan

Zoo Taiping & *Night Safari* telah menyediakan tiga zon khas tempat letak kereta dengan salah satu tapak merupakan tapak letak kereta bertingkat dan menggunakan *Green Concept*. Selain penambahan bilangan ruang tempat letak kereta dan tempat letak kereta bertingkat, sistem peletakan kereta juga perlu ditambahbaik seperti mana yang diamalkan di Zoo Singapura dan Zoo Kuala Lumpur.

ZT3

### Plaza Terbuka di Bulatan Zoo

Bulatan di hadapan pintu masuk Zoo boleh ditingkatkan menjadi ruang terbuka atau Dataran yang boleh menaikkan lagi *Sense of Place* terutamanya kepada pengunjung Zoo dan orang yang beriadah di kawasan ini. Dataran terbuka dan bebas kenderaan ini berpotensi menjadi tempat tumpuan perhimpunan pengunjung sebelum memasuki Zoo.

ZT5

### Replika *Wild Life Sound*

Penyediaan replika atau arca binatang liar dengan penambahan elemen *wild animal sound* seperti suara gajah atau zirafah dapat didengari oleh pengunjung dan menarik minat mereka untuk masuk ke zoo. Elemen ini dapat mewujudkan ciri-ciri dan identiti yang unik dan hanya boleh didapati di Zoo Taiping & *Night Safari*.

ZT2

### Menambah Baik Pintu Gerbang dan Arca

Projek menaik taraf pintu gerbang dan arca di bahagian depan Zoo dapat menjadi elemen penting dalam menonjolkan Zoo Taiping & *Night Safari* ke peringkat antarabangsa. Situasi ini selari dengan imej Bandar Taiping sebagai Bandar Warisan serta dapat mewujudkan suasana Selamat Datang atau '*Sense of Welcoming*' bagi pengunjung yang hadir ke Zoo Taiping. Cadangan menjadikan suasana '*welcoming*' ke zoo dapat dilihat di San Diego Zoo dan Bronx Zoo, New York City, USA.

ZT4

### Hentian Bas Elektrik

Hentian Bas Elektrik di kawasan Zoo Taiping & *Night Safari* dapat mendorong orang ramai untuk berkunjung dengan lebih mudah dan selamat. Selain itu, bas elektrik juga dapat memberikan banyak faedah dalam mengurangkan tahap pencemaran udara. Hal ini dapat memberi kesan positif kepada persekitaran dan alam sekitar dan sekali gus mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas dan masalah tempat letak kenderaan.

## Senarai Program

IP – INISIATIF DAN PROGRAM	
IP1.1	Mewujudkan Aktiviti Baru di <i>Raintree Walk</i>
IP1.2	Meningkatkan Sektor Perniagaan
IP1.3	Meningkatkan Bilangan Premis Perniagaan Produk Pelancongan di Taiping
IP1.4	<i>Seasonal Fruit Street</i>
IP1.5	Pengukuhan Aktiviti Laluan Warisan Taiping
IP1.6	Mengaktifkan <i>Nightlife</i> Taiping
IP1.7	Program Tahunan Bukit Larut
IP2.1	Menubuhkan Unit Penyelenggaraan Bangunan Warisan MPT
IP2.2	Membangunkan Inventori Maya Bangunan dan Tapak Warisan Taiping
IP2.3	Penyenaraian Bangunan Warisan
IP2.4	Penggredan Bangunan Warisan
IP3.1	Menaiktaraf Reka Bentuk Gerai-Gerai Jalanan di Taiping
IP3.2	Menggalakkan Perniagaan Secara <i>Food Truck</i>

IP – INISIATIF DAN PROGRAM	
IP4.1	Mewujudkan ' <i>Tagline</i> ' Bagi Bandar Warisan Taiping
IP4.2	Menyediakan Laman Sesawang dan Pendigitalan Maklumat Pelancongan
IP4.3	Mempromosi Penggunaan Tanda <i>#Hashtag</i> bagi Elemen Warisan dan Pelancongan di Taiping
IP4.4	Acara Tahunan untuk Kumpulan Bersasar
IP4.5	Aktiviti Promosi Melalui Kerjasama dengan Pemain Industri dan Pemegang Taruh
IP4.6	Program Intensif Pemasaran Digital Selama Setahun
IP4.7	Kios Informasi Pelancongan dan Aplikasi ' <i>Wayfinding</i> '

## KESIMPULAN

1

**Sebanyak 55 projek** dicadangkan dengan kos keseluruhan sebanyak **RM119,165,878.41**.

2

**Mempromosi aset warisan** bandar Taiping

3

**Menarik dan memanjangkan tempoh** keberadaan pelancong di Taiping

4

**Meningkatkan ekonomi** penduduk setempat dan kewangan Majlis Perbandaran Taiping

## PENGHARGAAN

*Majlis Perbandaran Taiping dengan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan, PLANMalaysia Perak, PLANMalaysia (Pejabat Projek Zon Tengah), Jabatan-jabatan Kerajaan, Agensi-agensi Swasta, FOCUS Architects & Urban Planners Sdn.Bhd., perunding sokongan dan semua yang turut terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Draf Rancangan Kawasan Khas Warisan Bandar Taiping 2.0.*

